



Rapid Bus Sdn Bhd 201201040722 (1025200-A)

RAPID KL OFFICE

Kompleks Rapid Bus Cheras Selatan, Lot 1499, Jalan KB 2/15 Balakong, 43300 Seri Kembangan, Selangor

Tel : +603 - 8946 2000 Fax : +603 - 8964 4889 Website : [www.myrapid.com.my](http://www.myrapid.com.my)

**rapidKL** **rapidPenang** **rapidKuantan**



## SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

# RAPID BUS LANCARKAN BUKTI KONSEP BAS PERANTARA ON-DEMAND DI PETALING JAYA

KUALA LUMPUR, 12 Mei 2023 – Rapid Bus Sdn Bhd (Rapid Bus) selaku operator perkhidmatan bas Rapid KL di Lembah Klang akan melancarkan perkhidmatan bukti konsep (*Proof of Concept – POC*) bas perantara *on-demand* bagi laluan T789 (LRT Universiti - Universiti Malaya melalui Pantai Hillpark), yang akan mula beroperasi pada 15 Mei 2023 sehingga 14 Ogos 2023.

POC ini merupakan kolaborasi antara Rapid Bus dan Asia Mobiliti Technologies Sdn Bhd, pemilik Trek Rides, sebuah aplikasi tempahan perkhidmatan *e-hailing* tempatan di sekitar Lembah Klang. Kolaborasi strategik ini adalah inisiatif Rapid Bus dalam menyediakan kesalinghubungan *first-last mile* yang lebih menyeluruh kepada para pengguna perkhidmatan bas Rapid KL.

“Pelaksanaan POC ini adalah untuk mengoptimumkan sumber yang kita ada dalam menyediakan perkhidmatan bas yang terbaik. Sebagai contoh, POC bagi laluan T757 (LRT Alam Megah – Shah Alam) yang telah dilancarkan sebelum ini, terbukti berjaya dan diterima baik oleh para penumpang. Kini, kami telah menggantikan penggunaan sebuah bas dengan sebuah van untuk laluan ini.”

Dengan adanya perkhidmatan sebegini, kita boleh bergerak mengikut permintaan sekaligus dapat menjimatkan sumber sedia ada,” kata Muhammad Yazurin Sallij, Ketua Pegawai Eksekutif Rapid Bus.

**prasarana Group**

**rapidrail**

**rapidbus**

**pride**

**prime**

**prosper**



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO.: QMS  
05 100 22020 05 100 22022  
05 100 22021 05 100 22023



CERTIFIED TO ISO 14001:2015  
CERT. NO.: EMS  
14 104 22004 14 104 22006  
14 104 22005 14 104 22007



CERTIFIED TO ISO 45001:2018  
CERT. NO.: OHSMS  
44 126 22 92 0025 44 127 22 92 0027  
44 126 22 92 0026 44 126 22 92 0028



CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013  
CERT. NO.: ISMS 00341  
0074



CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013  
CERT. NO.: ABMS 00129  
0074



CERTIFIED TO ISO 37001:2016  
CERT. NO.: ABMS 00129



FIRST ORGANIZATION TO  
RECEIVE FIVE ISO  
CERTIFICATION  
THROUGH INTEGRATED  
MANAGEMENT SYSTEM  
IN A SINGLE AUDIT



Yazurin turut menyatakan, “Bas yang ditetapkan untuk laluan ini boleh beroperasi di laluan lain yang mempunyai permintaan yang lebih tinggi.”

Perkhidmatan ini menawarkan jaminan tempat duduk yang boleh ditempah melalui aplikasi Trek Rides. Dengan tambang RM1.00, penumpang boleh membayar menggunakan Pas Perjalanan Tanpa Had My50, Kad Touch n’ Go, Kad Konsesi MyRapid, Pas Berkumpulan dan MyCity Pass untuk membayar tambang dengan mudah.

“Kami amat berbesar hati untuk bekerjasama dengan Rapid Bus bagi memperkenalkan perkhidmatan ini kepada para pengguna Rapid KL,” kata Ramachandran Muniandy, Pengasas merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Asia Mobiliti. “Matlamat kami adalah untuk menyediakan kemudahan dan perkhidmatan yang boleh dipercayai bagi memenuhi kehendak dan keperluan warga bandar,” tambah beliau.

Bas perantara *on-demand* ini beroperasi setiap hari dari jam 6.30 pagi sehingga 11.30 malam. Perkhidmatan ini juga menawarkan masa perjalanan yang lebih singkat dan penumpang boleh merancang perjalanan mereka dengan lebih efisyen, kerana mereka boleh memilih waktu tempahan dengan lebih mudah.

Untuk maklumat lanjut berkenaan POC Rapid KL x Trek Rides, para penumpang boleh melayari media sosial rasmi Rapid KL atau laman web: [www.myrapid.com.my](http://www.myrapid.com.my)

[TAMAT]

**Dikeluarkan oleh Rapid Bus Sdn Bhd. Untuk sebarang maklumat, sila hubungi Tengku Azrawati Tengku Arshad melalui whatsapp di nombor 017-372 8486 atau emel kepada [azrawati.arshad@prasarana.com.my](mailto:azrawati.arshad@prasarana.com.my)**

